



BUKU LOG

PERSATUAN PANDU
PUTERI MALAYSIA





ISI KANDUNGAN

Biodata.....	m/s 1
Carta organisasi PPPM.....	m/s 2
Carta organisasi PPPIPG.....	m/s 3
Lambang persatuan.....	m/s 4
Cogan kata.....	m/s 4
Bendera.....	m/s 4
Lagu persatuan.....	m/s 5
Persetiaan/Ikrar PPPM.....	m/s 5
Undang-undang.....	m/s 6
Sejarah penubuhan pandu puteri dunia.....	m/s 7
Sejarah penubuhan pandu puteri Malaysia.....	m/s 7
Laporan perkhemahan Pandu Puteri IPGKBA 2021.....	m/s 8-11



BIODATA



Nama : Fatin Nursyahirah Binti Abdurahman

No. Mykad : 000916-03-0024

Tarikh lahir : 16/9/2000

Alamat rumah : A-16-12, PPAM Palma, Jalan P11E,
Presint 11, 62300, Putrajaya.


No tel bimbit : 013-2788211

Alamat e-mail : fatin10768@epembelajaran.edu.my


Nama dan alamat kampus: IPG Kampus Bahasa
Antarabangsa, Kuala Lumpur

Nama Kumpulan Berenam : Cempaka

CARTA ORGANISASI PPPM



CARTA ORGANISASI PPPIPG



LAMBANG



COGAN KATA



BENDERA



LAGU PERSATUAN

Arah kita jelas ke depan,
Bendera berkibar,
Tidak berlipat di dunia
Harapan abadi,
Bersatu untuk kebenaran,
Persahabatan kukuh,
Selagi dunia masih ada
Akan nyanyi lagu ini.

Yang cintakan kebenaran,
Menetapkan janji,
Dengan rela berjasa,
setia abadi,
Kebebasan kita tepati,
Bersedia sama,
Untuk semua miskin kaya,
Kita beri, yang terdaya.

PERSETIAAN/IKRAR PPPM

Bahawa dengan sesungguhnya,
saya berjanji dan bersetia, dengan sedaya upaya,
menunaikan kewajipan saya terhadap Tuhan, Raja dan
negara saya, Malaysia,
menolong orang pada setiap masa
dan mematuhi undang-undang Pandu Puteri

UNDANG-UNDANG

Seorang Pandu Puteri :

- i. Boleh dipercayai.
- ii. Sentiasa taat dan setia.
- iii. Suka menolong orang lain.
- iv. Bersahabat dengan semua orang dan bersaudara dengan ahli Pandu Puteri yang lain.
- v. Sentiasa bersopan santun.
- vi. Melindungi haiwan dan memelihara alam sekitar.
- vii. Sentiasa menurut perintah.
- viii. Bersemangat dan bergembira walaupun dalam kesulitan.
- ix. Sentiasa berjimat cermat.
- x. Suci dalam fikiran, perkataan dan perbuatan.

SEJARAH PENUBUHAN PANDU PUTERI DUNIA

Pada tahun 1909, terdapat beberapa remaja perempuan yang ingin menyertai perhimpunan tersebut pada perhimpunan pengakap di Crystal Palace yang merupakan pemangkin kepada Pergerakan Pandu Puteri.

Pengasas Pengakap, Lord Robert Baden-Powell telah memilih nama 'Girl Guides' untuk persatuan tersebut.

Pada tahun 1910, adik Baden-Powell iaitu Agnes, mengadaptasikan buku "Scouting for Boys" untuk kegunaan Pandu Puteri dan seterusnya, pergerakan Pandu Puteri dilahirkan.

Semasa satu lawatan Pengakap dan Pandu Puteri, Baden-Powell bertemu dengan Olave Soames dan berkahwin dengannya. Soames kemudian dialantik menjadi ketua Pandu Puteri United Kingdom.

Pada tahun 1912, Pandu Puteri telah bertapak di 10 negara. Kumpulan-kumpulan ini mempunyai pakaian seragam, lencana, peraturan dan nama yang berbeza tetapi mereka berkongsi prinsip dan cita-cita yang sama. Menjelang tahun 1930, 15 lagi negara yang memperkenalkan kumpulan Pandu Puteri, termasuklah Brazil, China dan Estonia

Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM) ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1917 apabila ia didaftarkan di Calcutta tetapi Pusat Pentadbiran ialah di Singapura, sehingga tahun 1956.

Pada tahun 1928, Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah menerima pengiktirafan dan sokongan daripada kerajaan Malaysia.

SEJARAH PENUBUHAN PANDU PUTERI MALAYSIA

Ordinan Pandu Puteri 1953 telah digantikan oleh Akta Pandu Puteri 1953 dan akta ini telah disemak pada tahun 1991.

Sejak tahun 1957, Ibu Pejabat Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia terletak di Wisma Pandu Puteri, Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur.

LAPORAN PERKHEMAHAN PANDU PUTERI IPGKBA 2021

HARI 1

Tarikh: 29 Mac 2021

Hari: Isnin

- Aktiviti: a) Upacara Perasmian Perkhemahan
b) Taklimat Nyanyian Lagu-lagu
c) Pengurusan Perkhemahan

Pada 29 Mac 2021 iaitu hari Isnin merupakan hari pertama perkhemahan. Pada setiap pagi, para peserta perlu memeriksa suhu dan mendaftar diri sebelum memulakan aktiviti. Sebelum bergerak menuju ke aktiviti seterusnya, kami telah mengadakan acara perhimpunan pagi bagi melaksanakan Perasmian Perkhemahan yang bertempat di Gimnasium IPGKBA disebabkan cuaca hujan. Program ini telah dirasmikan oleh ketua Jabatan Kokurikulum Dr. Malathi. Ucapan perasmian diteruskan dengan sedikit taklimat berkaitan aktiviti yang akan dijalankan pada waktu petang serta nasihat mengenai SOP yang diberikan oleh Penolong Ketua Kem. Pandu Puteri ditempatkan di Dewan Kuliah B. Oleh sebab taklimat dihabiskan awal, Ketua Pesuruhjaya IPGKBA iaitu Puan Saraswathy A/P Vellasamy dan ahli Pandu Puteri memulakan aktiviti dengan menyanyi lagu-lagu Pandu Puteri seperti Lagu Dunia, Lagu Kumpulan Berenam, Lagu Salam-salam, Lagu Potong Bebek Angsa dan Lagu World Thinking Day.

Permainan *Manito* turut dimainkan di mana seorang akan mencabut nama daripada kotak dan mereka hendaklah memberi hadiah kepada orang yang telah dicabut namanya tanpa pengetahuan mereka. 12:30pm hingga 2:30pm merupakan masa berehat, makan dan solat. Makanan telah disediakan oleh institusi. Kami tidak bermalam di Laluan Hijau. Hal ini disebabkan Kuala Lumpur adalah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan dan kami perlu mematuhi SOP di mana penjarakan sosial adalah 1 meter. Hal ini telah menyebabkan kami bermalam di asrama IPGKBA. Selepas 2:30pm, aktiviti pengurusan khemah diadakan di mana Ketua Pesuruhjaya Pandu Puteri IPGKBA akan menilai teknik mendirikan khemah yang dilakukan oleh setiap pasukan. Setiap pasukan bergilir-gilir untuk mendirikan khemah kerana hanya satu khemah diberikan kepada pasukan Pandu Puteri. Sementara satu pasukan lain mendirikan khemah di Laluan Hijau IPGKBA, pasukan lain menyanyi lagu "Epo E Tai Tai Eya" yang dipimpin oleh Pemimpin Pandu Puteri Cik Maznah binti Syaari beserta aksi. Setelah semua pasukan telah selesai dengan penilaian, Pemimpin Pandu Puteri Cik Maznah binti Syaari telah memimpin aktiviti "*Walk to the left, walk to the right*" di mana seorang perlu bertukar-tukar pasangan sambil menari. Pada pukul 6:00pm, upacara penyerahan bendera kepada pasukan Pandu Puteri diadakan kerana Pandu Puteri merupakan unit beruniform yang akan bertugas pada keesokan harinya. Ketua Pasukan Pandu Puteri iaitu Sindu A/P Ramasundram telah melapor diri dan menerima tugas.

HARI 2

Tarikh: 30 Mac 2021

Hari: Selasa

Aktiviti: a) Kawad kaki

b) Permainan Kim

c) Permainan “*Bomb*”

d) Simpulan dan Ikatan

Pada 30 Mac 2021 iaitu hari kedua perkhemahan dimulakan dengan perhimpunan yang dipimpin oleh Pasukan Pandu Puteri. Senaman pagi diketuai oleh Siti Nor Amira dan Aizzah Izyani. Pengacara majlis untuk perhimpunan adalah Sarah Atiyah dan Nur Izzaty. Pada pukul 8:00 pagi, senaman pagi telah dijalankan. Seterusnya, kami telah dinilai untuk ujian asas kawad kaki di mana markah diberi untuk demontrasi kawad kaki dan penguasaan bahasa hukuman. Setelah penilaian selesai, Permainan Kim telah dimainkan oleh kami dengan tunjuk ajar pensyarah-pensyarah. Setiap ahli pasukan perlu mengambil bahagian dalam permainan tersebut. Dua orang dari setiap pasukan perlu meneka bahan yang dirasa dengan keadaan mata tertutup manakala tiga orang lagi diberi masa yang singkat untuk melihat barang yang terdapat didalam kotak dan mengingati barang tersebut.

Pasukan yang dapat mencatat jumlah barang yang dilihat dan bahan yang dirasa dengan betul dan dengan jumlah yang paling tinggi akan dinobatkan sebagai juara. Selepas itu, kami diajar untuk bermain Permainan “*Bomb*” di mana setiap pasukan hendaklah memilih satu nama negara lalu menepuk tangan dan menyanyikan lagu tersebut. Selepas berehat, kami telah dinilai untuk simpulan dan ikatan. Empat jenis simpulan seperti manuk, buku sila, bunga geti dan tindih kasih telah dinilai. Selepas itu, kami berbincang tentang persiapan untuk aktiviti pada keesokan harinya iaitu masakan rimba. Akhir sekali, perkhemahan ditutup dengan majlis perhimpunan dan penyerahan bendera.



HARI 3

Tarikh: 31 Mac 2021

Hari: Rabu

- Aktiviti: a) Masakan rimba
b) Kraf perkhemahan

Pada 31 Mac 2021, perkhemahan dimulakan dengan perhimpunan pagi seperti biasa. Selepas itu, kami telah bergerak ke tempat masakan. Kami telah diberi tepung gandum dan gula. Puan Saraswathy telah membahagikan kami kepada pasukan bertiga untuk masakan rimba. Setiap pasukan telah bersiap sedia merancang menu masing-masing untuk masakan rimba. Kami telah mengumpul ranting-ranting dan bahan-bahan yang diperlukan awal-awal lagi. Proses menyalakan api merupakan sesuatu yang mengambil masa yang begitu lama dan menguji kesabaran. Sebagai contoh, untuk memasak kentang, ia memakan masa yang sangat lama iaitu kira-kira sejam, Perkara yang paling utama adalah setiap pasukan hendaklah memastikan api yang telah dinyalakan tidak terpadam. Masakan rimba memerlukan semangat berpasukan yang kuat dan bertujuan untuk menyemai sifat tolong-menolong. Masakan rimba juga mengajar ahli untuk sentiasa bersabar untuk mendapatkan hasil yang bagus. Makanan yang wajib dihasilkan adalah roti lilit, selainnya mengikut kreativiti setiap pasukan. Semua pasukan telah mempersembahkan makanan mereka dengan begitu kreatif dan menarik. Pada waktu petang, kami telah mula membuat kraf perkhemahan. Setiap pasukan berlima diberikan kraf untuk dibuat seperti papan kenyataan, rak perkakas, rak kasut dan pintu gerbang. Kami tidak dapat menyiapkan semua sekaligus. Oleh sebab itu, sehari sebelum, kami telah membuat sedikit persediaan awal. Dengan bantuan dan tunjuk ajar Puan Saraswathy dan Cik Maznah, kami dapat menyiapkan kraf perkhemahan dengan baik. Akhirnya, upacara penyerahan bendera berlangsung.



HARI 4

Tarikh: 1 April 2021

Hari: Khamis

Aktiviti: a) Pertolongan cemas

b) Permainan Manito

c) Upacara Perasmian Penutupan Perkhemahan Pandu Puteri

1 April 2021 merupakan hari terakhir aktiviti perkhemahan Pandu Puteri. Seperti biasa, perkhemahan dimulakan dengan perhimpunan pagi seperti biasa. Seterusnya, kami telah dinilai untuk asas pertolongan cemas. 4 balutan anduh yang perlu dibuat iaitu tapak tangan, tapak kaki, lengan dan kepala. Setiap balutan hendaklah kemas. Terdapat markah bagi kekemasan. Pada masa yang sama, penilaian untuk kraf perkhemahan dijalankan oleh pensyarah-pensyarah lain. Setelah selesai penilaian, kami telah bermain permainan "*Manito*" untuk mengetahui siapa manito yang setiap hari menulis nota kecil dan memberi hadiah tanpa diketahui. Ia merupakan permainan yang mengeratkan hubungan sesama kami. Puan Saraswathy dan Cik Maznah telah menjadikan permainan ini lebih menarik dengan penyertaan mereka. Kami telah pun membersihkan tapak perkhemahan dan dewan kuliah B. Sebagai kenang-kenangan, kami telah merakam gambar bersama-sama Puan Saraswathy dan Cik Maznah. Pada waktu petang, Majlis Perasmian Penutupan Perkhemahan Pandu Puteri IPGKBA telah berlangsung. Dalam majlis tersebut, Istiadat Pertauliah Pandu Puteri telah dijalankan oleh Dr Siti Rosni binti Mohammad Yusoff iaitu Ketua Pesuruhjaya IPG. Kami telah berikrar dan mendapatkan lencana. Perkhemahan ini telah menjadikan kami sebuah keluarga yang besar dan setiap kenangan tidak dapat dilupakan. Pengalaman yang dialami begitu bermakna dan berharga.

